



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

Program Rumah Ibadat Hijau (RIH) sebagai Pemangkin Amalan Lestari dalam Komuniti

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menerusi Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) hari ini telah menganjurkan Program Khas Rumah Ibadat Hijau (RIH) dengan kerjasama Sekolah Menengah Agama Tarbiah Diniyah, Kulim, Kedah.

Program Khas RIH Sekolah Menengah Agama Tarbiah Diniyah ini dilancarkan oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad dan dihadiri oleh wakil Kerajaan Negeri Kedah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Persatuan Pengetua Sekolah Agama Rakyat Negeri Kedah serta jabatan dan agensi Kerajaan yang terlibat.

YB Nik Nazmi telah menyerahkan pili cekap air untuk dipasang bagi kegunaan surau Sekolah Menengah Agama Tarbiah Diniyah serta membuat tinjauan tapak bagi cadangan pelaksanaan projek teknologi hijau di sekolah berkenaan. Beliau juga telah melancarkan *Kempen Infak dan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai* sebagai inisiatif penjana pendapatan sekolah menerusi amalan gaya hidup hijau.

Program RIH bertujuan untuk menjadikan rumah-rumah ibadat di Malaysia sebagai pusat pemangkin kelestarian alam bagi memupuk budaya gaya hidup hijau dalam kalangan ahli kariah dan komuniti setempat. Sejumlah 58 rumah ibadat telah berdaftar dengan MGTC untuk program RIH, manakala sebanyak 16 rumah ibadat telah melaksanakan program RIH sejak pelancaran program ini pada tahun 2020. Ini menunjukkan kesedaran yang tinggi di peringkat komuniti ke arah amalan gaya hidup hijau.

Bagi menggalakkan penyertaan rumah-rumah ibadat dan komuniti di bawah program RIH, Kementerian mengalu-alukan sumbangan CSR daripada pihak swasta dan orang ramai ke Tabung Wakaf Masjid Hijau menerusi akaun Yayasan Waqaf Malaysia di RHB Islamic Bank bernombor 2124-576004-6138.

Adalah diharapkan agar penglibatan pelbagai pihak dalam pembudayaan gaya hidup hijau ini dapat menyumbang kepada usaha mencapai Malaysia yang lebih mampan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

28 JANUARI 2024